

15/12/1999

Lima Exco Perlis angkat sumpah jawatan

ARAU, Selasa - Lima Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Perlis, termasuk seorang muka baru mengangkat sumpah jawatan di hadapan Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail, di Istana Arau, di sini, hari ini.

Mereka ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Mata Ayer, Ishak Arshad; Datuk Yazid Mat (Chuping), Datuk Khor Liang Tee (Indera Kayangan), Md Isa Sabu (Bintong) dan Mohd Hadzi Nordin (Kayang) yang pertama kali dilantik ke jawatan itu.

Ishak, Yazid dan Khor masing-masing adalah Exco bagi penggal lalu manakala Md Isa pernah menjawat jawatan itu antara 1990 hingga 1995.

Exco lama yang tidak dilantik semula ialah Abdul Azib Saad kerana kalah pada pilihan raya umum lalu manakala Ibrahim Salleh dan Arof Saad tidak dicalonkan dalam pilihan raya lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata portfolio yang dipegang oleh beliau dan setiap Exco mempunyai seorang timbalan untuk membantu selain memberi peluang kepada mereka menimba pengalaman.

Shahidan memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pendidikan, Pentadbiran dan Kewangan serta Perpaduan.

Timbalan bagi jawatan itu masing-masing ialah Zahari Zainul Abidin (Adun Beseri), Sulaiman Ismail (Pemangku Pengarah Pendidikan negeri), Abdul Latif Omar (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Abu Bakar Ismail (Adun Pauh).

Ishak dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pertanian dan Kepenggunaan dengan Abu Bakar sebagai timbalannya; Yazid (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian), Adun Kuala Perlis, Abu Bakar Saad sebagai timbalan.

Khor kekal sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan yang dibantu oleh Zahari Bakar (Simpang Empat), Mat Isa dilantik Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar dengan Loh Yoon Foo (Titi Tinggi) sebagai timbalan.

Mohd Hadzi pula dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tanah yang dibantu oleh Azihani Ali (Sena).

"Pelantikan seorang pegawai kerajaan (Pemangku Pengarah Pendidikan) sebagai timbalan kepada sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Exco adalah yang pertama dilakukan di negeri ini.

"Langkah itu sejajar pelantikan ahli akademik, Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir," katanya.

Menteri Besar berkata, satu lagi jawatan Exco akan diwujudkan dalam tempoh dua tahun untuk diisi oleh muka baru iaitu selepas mereka menimba pengalaman sebagai penyokong kerajaan.

(END)